

Pelantikan Ali untuk ringankan beban tugas — PM

UM 18 APR 2001

KUALA LUMPUR 17 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pelantikan Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman sebagai Penasihat Ekonomi kepada beliau adalah bagi membantu meringankan tugasnya.

Menurut Perdana Menteri, beliau mempunyai beberapa perkara yang memerlukan penelitian rapi terutama yang berkaitan dengan masalah kewangan.

“Saya perlu mengamanahkan kepada beliau untuk menelitinya dan memaklumkan kepada saya tentang apa yang berlaku bagi membolehkan saya

membuat keputusan,” katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak dekat sini hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas mengenai pelantikan bekas Gabenor Bank Negara itu sebagai penasihat ekonomi kedua kepada beliau.

Sebelum ini, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop telah dilantik sebagai Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri.

Dr. Mahathir menjelaskan, pelbagai tugas berat menanti Ali kerana beliau (Ali) perlu melakukan ba-

nyak perkara yang tidak mampu dilakukan olehnya.

“Dia bukan sahaja penasihat ekonomi dan datang membisik sesuatu kepada saya tetapi perlu melakukan banyak perkara, kerja yang saya tidak mampu lakukan sendiri,” katanya.

Mengulas lanjut tentang kesibukannya, beliau berkata, selain tugas-tugas di pejabat, sebagai Perdana Menteri, beliau perlu menjelajah ke seluruh negara untuk bertemu dengan rakyat.

“Kalau saya tidak jumpa, mereka kata saya tidak mahu jumpa, (saya perlu) hadir majlis perkahwinan,

rasmi universiti, tanam pokok dan banyak perkara lain, juga bercakap kepada pemberita, ia mengambil masa yang banyak,” katanya.

Selain itu, katanya, beliau menerima banyak surat yang mengadu tentang masalah mereka dan meminta beliau membantu menyelesaikannya termasuk masalah kewangan, peribadi dan perkahwinan.

“Perdana Menteri ini adalah tempat semua orang mengadu masalah. Kalau anda ada masalah dengan ketua di pejabat, pun boleh mengadu kepada saya,” katanya.